



**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Aras 12, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88832539  
Faks : 03-88833817

Ruj.Kami: KKM.100-1/8/38 (4)

Tarikh: 23 Februari 2023

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BIL. 2 TAHUN 2023**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN RASIONALISASI PENCETAK DI  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**1. TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan rasionalisasi pencetak dengan mengoptimumkan penggunaan mesin penyalin dan mengurangkan jumlah pencetak di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) KKM Bilangan 5 Tahun 2020 pada 23 September 2020 telah mengarahkan Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) melaksanakan kajian kebolehlaksanaan mesin penyalin bagi menggantikan pencetak di KKM. Ia susulan daripada isu perolehan *toner* yang tidak terkawal dan merugikan Kerajaan.
- 2.2 Hasil kajian telah dibentangkan dalam Mesyuarat JTICT Bilangan 6 Tahun 2020 pada 12 November 2020 dan mesyuarat memutuskan agar perkhidmatan cetakan menggunakan mesin penyalin diperluaskan di KKM.
- 2.3 Bermula Oktober 2022, BPM menjadi Bahagian pertama di KKM melaksanakan rasionalisasi pencetak sepenuhnya di mana empat unit mesin penyalin digunakan oleh 169 kakitangan untuk tujuan salinan, cetakan dan imbasan dokumen. Manakala, semua pencetak dimiliki BPM telah diagihkan ke fasiliti kesihatan KKM yang lain.

- 2.4 Sepanjang pelaksanaannya didapati kawalan tahap penggunaan di kalangan kakitangan BPM dapat dilakukan terutamanya berkaitan dokumen terperingkat. Penggunaan kertas untuk cetakan dapat dilaksanakan secara berhemah dan terancang.
- 2.5 Sehubungan itu, inisiatif rasionalisasi pencetak ini dipanjangkan untuk pelaksanaan oleh Bahagian-bahagian di Ibu Pejabat KKM (IPKKM) dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) sahaja (tidak termasuk hospital dan klinik kesihatan).

### **3. PELAN PELAKSANAAN**

- 3.1 Semua fasiliti KKM diminta untuk mengenal pasti jumlah pencetak dan mesin penyalin sedia ada serta tempoh kontrak sewaan yang sedang berkuat kuasa. Bagi kontrak sewaan yang akan tamat tempoh, perolehan baharu sewaan mesin penyalin hendaklah dilaksanakan secara berpusat mengikut Pusat Tanggungjawab Kategori 1 (PTJ1).
- 3.2 Untuk IPKKM, perolehan sewaan mesin penyalin secara berpusat akan dilaksanakan pada tahun 2026. Sehubungan dengan itu, semua Bahagian diminta untuk menyelaraskan tempoh tamat kontrak sedia ada dan kontrak baharu sebelum pemusatan dilaksanakan.

### **4. SASARAN PELAKSANAAN**

- 4.1 Perolehan sewaan mesin penyalin dilaksanakan secara berpusat oleh PTJ1.
- 4.2 Semua Bahagian di IPKKM dan JKN perlu menyasarkan pengurangan jumlah pencetak pada kadar berikut:
- (i) **40% pengurangan pencetak pada 1 Jun 2023; dan**
  - (ii) **80% pengurangan pencetak pada 1 Januari 2024.**
- 4.3 Bagi fasiliti KKM selain daripada IPKKM dan JKN, pengurangan jumlah pencetak amat digalakkan.



## 5. CIRI-CIRI MESIN PENYALIN YANG DICADANGKAN

Mesin penyalin yang dicadangkan untuk perolehan baharu perlu memiliki sekurang kurangnya keupayaan berikut:

- (i) melaksana pengesahan autentikasi pengguna bagi memastikan hanya kakitangan yang sah sahaja boleh menggunakan mesin penyalin;
- (ii) melaksana salinan dokumen (fotokopi);
- (iii) melaksana imbasan dokumen;
- (iv) melaksana cetakan dari komputer kakitangan;
- (v) menyokong teknologi *follow-me printing* di mana kakitangan boleh mengambil dokumen yang dihantar untuk cetakan di mana-mana mesin penyalin dalam rangkaian yang sama;
- (vi) mengawal tahap penggunaan kakitangan seperti menentukan kebenaran cetakan warna dan jumlah cetakan atau salinan dalam sebulan;
- (vii) menyediakan laporan tahap penggunaan mesin penyalin secara spesifik mengikut Bahagian, Cawangan, Unit dan setiap kakitangan;
- (viii) menyokong peranti tanpa wayar seperti komputer riba, telefon bimbit dan tablet; dan
- (ix) tidak memerlukan penggunaan pelayan atau *Active Directory Server*.

## **6. TADBIR URUS**

Pelaksanaan rasionalisasi pencetak ini akan dipantau oleh Jawatankuasa Tadbir Urus yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan). Urus setia bagi jawatankuasa ini ialah Bahagian Khidmat Pengurusan manakala Bahagian Pengurusan Maklumat bertanggungjawab dalam perkara berkaitan teknikal.


## **7. TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai 23 Februari 2023.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK HARJEET SINGH)**

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

## **SENARAI EDARAN**

Setiausaha-setiausaha Bahagian

Pengarah-pengarah Bahagian

Pengarah-pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah-pengarah Hospital Negeri

Pengarah-pengarah Institusi

Pegawai-pegawai Kesihatan Daerah